

Demi menguasai sesuatu cabang ilmu, kita perlu membaca pelbagai sumber terutamanya buku. Selain artikel, keratan akhbar, majalah, sumber internet dan sebagainya. Sesuai dengan ayat al-Quran pertama yang diturunkan, maksudnya 'bacalah'. Masalahnya kita acap kali terbasab daripada tujuan asal dek teka dengan perkara-perkara lain yang lebih menarik lagi menghiburkan. Artikel kali ini memberi beberapa tip sebelum, semasa dan selepas membaca bagi menjadikan aktiviti membaca menjadi efektif serta tidak membosankan.

PECAHKAN BUKU KEPADA BEBERAPA BAHAGIAN

Letakkan sasaran berapa lama yang perlu diambil untuk menghabiskan sesebuah buku. Pecahkan muka surat mengikut skala masa yang lebih kecil. Kira jumlah muka surat yang ada dan bahagikan mengikut masa. Tetapkan jumlah muka surat yang perlu dibaca untuk setiap minggu dan setiap hari. Contoh satu jam perlu baca 10 muka surat dalam setiap hari.

Melalui cara ini walau seberapa tebal pun buku tersebut, kamu tidak akan rasa letih, bosan lagi tertekan. Hal ini disebabkan ia telah dipecahkan menjadi bahagian yang kecil dan tidak terlalu panjang. Nanti kamu juga bakal terkejut apabila tiba-tiba sudah habis menelaah setiap perkataan dalam buku itu.

JADUAL MEMBACA

Tetapkan masa membaca mengikut jadual tertentu. Namun begitu, jadual ini perlu fleksibel mengikut aktiviti harian yang mungkin berubah-ubah mengikut keadaan. Disiplinkan diri untuk mematuhi jadual tersebut.

JAUHI GANGGUAN

Semasa membaca, elakkan daripada sebarang bentuk gangguan. Misalnya telefon bimbit, televisyen, radio, bunyi muzik, haiwan peliharaan dan sebagainya. Kecuali jika kamu memang benar-benar kebal terhadapnya dan

13 TIP WAJIB KETIKA

sedikit pun tidak tergugat dengan kewujudannya.

Seboleh-bolehnya selesaikan terlebih dahulu urusan lain yang lebih penting. Sebagai anak, bereskan terlebih dahulu kerja-kerja yang disuruh oleh ibu. Supaya ketika membaca, fikiran kamu tidak melayang-layang mengingati urusan yang belum beres. Kemudian serabut pula apabila ibu sudah naik bising.

4 CATAT DAN KERTAS

Catat segala ingatan terhadap perkara lain yang mengganggu fikiran ketika kamu sedang membaca. Hal ini dapat mengelak kamu daripada terlupa. Sekali gus meminimumkan segala gangguan yang membuat kami jadi hilang fokus.

TAHU APA YANG KAMU CARI

Sebaik-baiknya pastikan kamu tahu apa yang mahu dicari ketika membaca sesuatu buku. Kenal pasti maklumat yang mahu diketahui. Jika kamu membaca sumberono sahaja, nanti akan cepat bosan. Lalu mengantuk dan akhirnya tertentok bersama mimpi-mimpi yang indah.

6 JAUH ELAK FIKIRAN MELAYANG-LAYANG

Jika buku tersebut adalah milik kamu, tandakan poin-poin penting menggunakan pen atau highlighter warna-warni. Akan tetapi, awas! Jangan buat begitu jika ia merupakan buku yang dipinjam dari perpustakaan ataupun milik rakan-rakan yang lain. Nanti lain pula masalah yang bakal timbul.



PRAKTIK MEMBACA



Ketika membaca kamu boleh menggunakan jari, pembaris atau hujung pensel untuk menunjuk baris yang sedang dibaca. Ini dapat membantu mata menumpukan pandangan pada tulisan tersebut.

CATAT SESUATU

Semasa membaca catat isi penting atau kata-kata yang boleh dikedok daripada buku tersebut pada sekeping kertas. Selain dapat menyimpan perkara-perkara penting, hal ini sedikit sebanyak dapat menghilangkan rasa mengantuk. Pada masa akan datang, kamu lebih mudah untuk merujuk jika perlu.

8 BACA DENGAN SUKSES

Lontarkan suara. Baca dengan kuat jika terasa mengantuk atau hampir hilang tumpuan. Keadaan ini membuat kamu turut menggunakan daya pendengaran dalam proses pembelajaran.

Namun begitu, pastikan kamu berada dalam persekitaran yang bersesuaian. Jangan pula buat begitu ketika berada di dalam perpustakaan ataupun ketika rakan-rakan sekeliling sedang memerlukan suasana yang tenang.

TITIK HILANG TUMPUAN

Apabila hilang tumpuan, tandakan tempat kamu yang kamu sedang baca. Kemudian baca sekali lagi daripada awal. Cuba fikir dan faham. Mungkin salah satu sebab kamu hilang tumpuan ialah rakan semakin tidak faham dengan apa yang dibaca.

Oleh sebab itu perlu pengulangan dan beri sedikit masa kepada diri untuk berfikir kerana poin tersebut mungkin agak sukar.

10

Selesai membaca seperti yang

telah kamu sasarkan, imbas secara umum apa yang telah kamu baca. Jika kamu rasa kabur dengan gambarannya atau rasa seperti masih tidak tahu apa yang hendak disampaikan dalam topik tersebut, baca semula sekali lagi.

11 CERITAKAN SEMULA

Bercerita kepada kawan atau diri sendiri apa yang telah dibaca. Pada mulanya ceritakan secara umumnya sahaja. Jika gambarannya sudah jelas, barulah terangkan secara terperinci pula. Melalui cara sebegini, kamu boleh memantapkan pemahaman terhadap sesuatu topik.

Hal ini kerana kamu bukan sahaja membaca untuk diri sendiri. Akan tetapi kamu membaca untuk menerangkan kepada orang lain. Maka, sebelum kamu mengajar kepada orang lain, kamu perlu faham dengan jelas tentang sesuatu perkara. Dalam keadaan ini kamu berperanan seperti cikgu dok-otok.

12 SOAL DIRI

Timbulkan persoalan-persoalan relevan yang berkaitan dengan topik yang dibaca. Kemudian cuba cari penyelesaian dengan merujuk kepada buku yang sama, buku lain dengan topik yang sama, bertanya kepada guru ataupun rakan.

13 HADIAH

Selepas selesai membaca sesuatu topik seperti yang telah dijabarkan, hadiahkan sesuatu kepada diri. Supaya kamu akan lebih bersemangat dan momentum keterujaan untuk terus membaca pada masa akan datang tidak jatuh menjunam dengan cepat.

Tidak perlu membeli barang berjenama atau makan di restoran mahal. Cukup dengan menikmati semangkuk cendol atau sepinggan mi goreng mamak. Itu sudah memadai jika perkara tersebut boleh mendatangkan kepuasan.

Selamat membaca dan menelaah. Sayangi buku, cintai ilmu.